

05/03/2002

Fatwa bercanggah jejas imej, kredibiliti ulama

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

IR JAMLUS Aziz, 37, mempertahankan tindakan kerajaan membongkar penyelewengan dan pembohongan pihak pembangkang, termasuk menyiarkan klip video peristiwa Memali yang berlaku 17 tahun lalu.

Baginya, rakyat Malaysia perlu diberi kesedaran mengenai akibat buruk kumpulan radikal dan puak pelampau agama yang boleh mencetuskan huru-hara dan menggugat kestabilan negara.

Ikuti temubual Penulis Khas Berita Harian (BH), AZHAR ABU SAMAH dan KHAIRUL ANWAR RAHMAT, dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa.

BH: Apa pandangan saudara mengenai cadangan kerajaan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Ulama Negara (MPUN)?

JAMLUS: Saya percaya idea penubuhan MPUN yang dicetuskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini sudah lama dinantikan umat Islam di Malaysia. Dalam konteks hari ini, MPUN dipercayai mampu menyelesaikan beberapa isu dan kekeliruan yang melingkari umat Melayu Islam di Malaysia. Sebelum ini, banyak pihak yang mendakwa dirinya ulama memberi pandangan berbeza terhadap beberapa isu. Jika perkara ini dibiarkan berterusan, kita bimbang umat Islam di Malaysia akan berpecah-belah kerana masing-masing merujuk kepada individu yang berbeza mengenai hal ehwal agama.

Hari ini, kita melihat individu yang mendakwa dirinya ulama mula bergiat cergas dalam parti politik. Mereka yang taksud dengan fahaman politik pembangkang, misalnya, mengulas isu berbangkit berdasarkan takrifan yang memihak kepada parti yang diwakili. Kesannya, umat Islam terus dikelirukan dengan hujah dan 'fatwa' yang bercanggah antara satu sama lain. Lebih buruk, mereka yang bukan berpendidikan agama juga cuba memberi gambaran seolah-olah dirinya seorang ulama. Golongan ini mengambil kesempatan mengaburi mata rakyat dengan berselindung di sebalik parti yang berlabel Islam. Justeru, idea menubuhkan satu institusi khas yang tidak tertakluk kepada mana-mana pihak mampu mengembalikan imej dan kredibiliti ulama. Saranan ini perlu dilihat secara positif oleh semua pihak supaya kita dapat berbincang dan sepakat menjadikannya satu kenyataan.

BH: Pimpinan tertinggi Pas, Datuk Fadzil Noor dan Datuk Nik Aziz Nik Mat, berbeza pandangan mengenai penubuhan MPUN. Apa komen saudara?

JAMLUS: Perbezaan pendapat antara Presiden dan Mursyidul Am Pas menunjukkan parti itu dalam keadaan serba salah. Pihak yang menentang cadangan penubuhan MPUN bimbang institusi berkenaan memberi pandangan atau pendirian yang bertentangan dengan pendirian politik Pas. Selama ini pun, banyak hujah dan pandangan mereka didapati bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Sebab itu, saya tidak terkejut apabila mendapati pemimpin Pas akan menolak mentah-mentah cadangan ini tanpa menilai kebaikan jangka panjang kepada umat Islam negara ini. Saya berharap pimpinan Pas jangan cepat melatah dengan cadangan penubuhan MPUN.

Sebagai orang Islam, mereka seharusnya memberi sokongan terhadap cadangan menaikkan martabat dan imej ulama. Dengan adanya institusi seperti ini, saya yakin segala kekeliruan yang ditimbulkan pihak tertentu dapat dielakkan. Lebih penting, umat Islam di Malaysia hanya perlu merujuk kepada institusi yang diiktiraf dalam hal ehwal agama.

BH: Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyeru negara Islam berusaha membersihkan imej agama Islam yang kini dikaitkan dengan penganas dan keganasan. Bagaimana saudara menilai saranan ini?

JAMLUS: Sebenarnya, sejak dulu lagi Dr Mahathir meminta negara Islam berusaha menaikkan imej agama Islam di mata dunia. Beliau menyeru negara Islam berjihad meningkatkan taraf ekonomi dan ilmu pengetahuan supaya dihormati di pentas dunia. Kini, sekali lagi dunia Islam menghadapi cabaran. Sejak peristiwa 11 September, Islam dan penganutnya sering dipandang serong. Sikap prejudis pihak tertentu, terutama Barat, seolah-olah menghukum Islam dan penganutnya sebagai bertanggungjawab menganjurkan keganasan. Bagaimanapun, negara Islam tidak cepat bertindak menangani pandangan negatif seperti itu. Malah, sehingga hari ini mereka tidak dapat meyakinkan dunia bahawa Islam ialah agama yang baik dan tidak pernah menganjurkan kegiatan keganasan. Ini semua berpunca daripada sikap sesetengah negara yang hanya mementingkan diri sendiri.

BH: Bagaimana dunia Islam perlu menyahut saranan itu?

JAMLUS: Segala-galanya mesti bermula dengan perpaduan. Negara Islam perlu bersatu padu dan berusaha memberitahu dunia bahawa segala tohmahan yang dilemparkan sebelum ini adalah tidak benar sama sekali. Malangnya, tidak semua negara Islam menyahut cabaran ini kerana masing-masing sibuk dengan hal sendiri. Sepatutnya, kita semua bersatu padu dan memikirkan cara untuk menguasai bidang ekonomi dan ilmu pengetahuan. Pada masa sama, setiap negara Islam perlu bertindak jika ada puak pelampau agama di negara masing-masing. Jangan biarkan golongan ini memberi imej buruk terhadap negara Islam. Kerajaan Malaysia, misalnya, tidak bertolak ansur terhadap golongan pelampau agama. Pihak berkuasa negara ini pantas bertindak terhadap kumpulan radikal yang didapati cuba menghuru-harakan keamanan negara. Lihat saja bagaimana kerajaan menangani peristiwa di Sauk dan menahan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Kumpulan radikal itu tidak mampu mengembangkan sayap mereka kerana kerajaan terlebih dulu mengesan kegiatan mereka. Inilah yang perlu dicontohi negara Islam lain. Jangan biarkan keadaan menjadi sangat rumit baru hendak bertindak. Apatah lagi mengizinkan kumpulan pelampau agama bertindak di luar batasan sehingga berani melakukan keganasan di luar negara.

Sepatutnya, kegiatan puak radikal perlu dipantau dan dibanteras bermula dari akar umbi. Setiap negara Islam bertanggungjawab memulihkan imej agama Islam yang mula tercemar akibat perbuatan segelintir individu yang terkeliru dengan konsep jihad sebenar.

BH: Dalam usaha menyedarkan rakyat mengenai kesan bahaya kumpulan radikal, Radio Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan klip video peristiwa Memali yang berlaku 17 tahun lalu. Apa pandangan saudara mengenai langkah itu?

JAMLUS: Bagi saya, langkah RTM menyiarkan klip video peristiwa Memali sangat penting bagi memberi gambaran sebenar mengenai kejadian yang berlaku. Sebelum ini, peristiwa itu dipolitikkan parti pembangkang, terutama Pas, yang mendakwa kononnya ia adalah bukti kezaliman dan kekejaman kerajaan Barisan Nasional. Hampir setiap hari pembangkang menjaja isu ini dalam usaha meraih simpati dan sokongan rakyat. Perbuatan mereka memburuk-burukkan kerajaan semakin ketara menjelang setiap kali pilihanraya umum. Kadangkala fitnah yang dilemparkan sangat serius dan boleh menggugat kestabilan dan keamanan negara. Mereka mendakwa kerajaan sengaja membunuh individu tertentu yang mahu menyebarkan ajaran Islam dan sebagainya. Tohmahan seperti ini sangat berbahaya kerana orang Islam sangat sensitif jika ada pihak yang menyekat kebebasan mereka mengamalkan ajaran agama.

Justeru, dengan adanya daya usaha menyiarkan klip video itu, saya percaya mereka yang masih terpedaya dengan helah parti pembangkang mulai sedar perjuangan palsu parti yang selama ini mendakwa memperjuangkan Islam. Klip video berkenaan mendedahkan banyak fakta diselewengkan pembangkang untuk kepentingan politik sempit mereka.

BH: Bagaimanapun, penyiaran klip video itu mendapat bantahan hebat daripada pembangkang.

JAMLUS: Sudah tentu mereka akan membangkang apa saja usaha untuk membongkar penyelewengan dan pembohongan yang dilakukan mereka selama ini. Jika Pas berada di pihak yang benar, buat apa berasa bersalah dengan penyiaran klip video berkenaan? Sebenarnya, mereka seperti cacing kepanasan yang bimbang sokongan rakyat akan terus lenyap. Sebelum ini mungkin ada segelintir rakyat yang menyokong Pas kerana mempercayai dakwah dan fitnah yang mereka sebarkan.

Melalui ceramah, pemimpin Pas melaung-laungkan bagaimana Barisan Nasional bertindak zalim terhadap pengikut Ibrahim Libya. Bagaimanapun, apabila klip video berkenaan disiarkan, barulah rakyat dapat melihat sendiri bagaimana provokasi dan kelakuan yang ditunjukkan golongan itu yang jelas memperlihatkan perbuatan ganas. Mereka seolah-olah dirasuk dan sanggup melakukan apa saja demi mempertahankan ketua mereka. Justeru, tindakan menyiarkan klip video berkenaan membuktikan kerajaan lebih awal berusaha menangani keganasan, iaitu sebelum berlaku peristiwa lebih buruk. Ia juga menjadi pengajaran kepada generasi muda supaya tidak terlalu taksud dengan pihak yang mendakwa memperjuangkan agama Islam.

BH: Ramai golongan muda, terutama pelajar aliran agama, memilih melanjutkan pelajaran di madrasah di dalam dan luar negara yang tidak diiktiraf kerajaan. Apa pandangan saudara?

JAMLUS: Inilah akibatnya apabila pihak tertentu yang mendakwa memperjuangkan Islam membuat dakwaan kononnya sistem pendidikan Malaysia berciri sekular dan tidak menepati kehendak Islam. Ibu bapa yang terpedaya, bertindak menghantar anak mereka ke institusi yang tidak diiktiraf tanpa memikirkan kesan buruk berbuat demikian. Menghantar anak-anak belajar menuntut di pondok dan madrasah tidak diiktiraf memberi kesan buruk kepada masa depan pelajar itu sendiri.

Sistem pendidikan dan kurikulum madrasah berkenaan tidak selari dengan dasar dan falsafah pendidikan negara. Akibatnya, pelajar terbabit menghadapi kesukaran selepas tamat pengajian kerana sijil mereka tidak diiktiraf. Mereka yang menuntut di luar negara pula terkeliru dengan perjuangan sesetengah madrasah yang memperjuangkan penubuhan kerajaan Islam menerusi keganasan.

BH: Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan mengumumkan langkah terbaru mewajibkan setiap pelajar yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra. Apa komen saudara?

JAMLUS: Sudah semestinya langkah itu dapat mencegah pelajar daripada memilih institusi pengajian yang tidak diiktiraf kerajaan. Selama ini kita mendengar ramai pelajar Malaysia yang terpedaya dengan tawaran belajar di institusi seperti itu. Institusi berkenaan biasanya menawarkan kos pengajian lebih murah dan syarat kemasukan lebih longgar berbanding institusi tempatan. Justeru, ibu bapa yang ghairah menghantar anak mereka ke institusi pengajian Islam tidak berfikir panjang lalu menerima tawaran itu. Bagaimanapun, apa yang sering berlaku ialah pusat pengajian seperti ini tidak mendapat pengiktirafan, antaranya disebabkan kurikulumnya yang meragukan.

BH: Apakah kesannya jika pelajar Malaysia meneruskan pengajian di institusi tidak diiktiraf?

JAMLUS: Tindakan mendalami ilmu agama di institusi tidak diiktiraf mendedahkan mereka kepada fahaman yang songsang dan tidak menepati ajaran Islam sebenar. Tanpa kawalan pihak tertentu, madrasah atau pondok berkenaan biasanya menabur bibit-bibit kebencian terhadap apa saja yang dilihat tidak menepati ajaran Islam. Lalu, apabila golongan ini pulang ke tanah air, mereka mula menimbulkan huru-hara dan menuduh kerajaan Malaysia mengamalkan pemerintahan sekular dan menolak kemajuan yang dicapai negara.

Bagi mereka yang berfikiran sempit, kemajuan negara dinilai sebagai bersifat keduniaan dan bertentangan daripada prinsip Islam sebenar.

Kesempatan ini diambil pihak tidak bertanggungjawab, terutama parti pembangkang yang mendakwa memperjuangkan Islam. Mereka memberi ruang kepada lulusan institusi tidak diiktiraf itu berceramah dan aktif dalam politik kepartian. Jika ia dibiarkan berterusan, kita bimbang rakyat negara ini, terutama umat Islam, terus dikelirukan golongan yang berhujah berdasarkan emosi dan sentimen melulu.

Saya pasti, mereka yang tinggi ilmu agama sentiasa bersikap tawaduk dan menghormati orang lain. Hanya ulama politik saja yang sentiasa mencerca dan memaki individu yang tidak sehaluan dengannya.